

# Ubah persepsi masyarakat

## Hafalan al-Quran nilai tambah dalam kerjaya profesional

SHAH ALAM

**T**anggapan masyarakat bahawa individu lulusan pendidikan tahfiz dan golongan huffaz (penghafal al-Quran) hanya sesuai menceburi kerjaya dalam bidang berkaitan agama sahaja harus diperbetulkan.

Sebaliknya, perunding motivasi Profesional Huffaz (Profazz), Suhayl Salmi menegaskan, kelebihan kedua-dua golongan itu yang menghafal 30 juzuk al-Quran seharusnya dijadikan nilai tambah kepada mereka yang menceburi bidang profesional.

"Ramai huffaz telah menceburi kerjaya profesional seperti doktor, peguam, malah ada memilih dunia perniagaan dan mampu bergelar usahawan berjaya.

"Sesiapa sahaja boleh menghafal al-Quran tetapi mengaplikasikannya dalam kehidupan itu yang susah. Penting untuk ber-

akhlak, amalkan al-Quran di tempat kerja dan hidupkan syiar Islam di semua institusi yang ada.

"Jika kita mendalami al-Quran, tuntutan bukan sekadar menjadi ustaz atau ustazah, malah menjadi satu kerugian bagi orang yang belajar (al-Quran) tetapi hanya amalkan di dalam masjid sahaja," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Suhayl menjelaskan, dalam al-Quran juga telah disebutkan mengenai asas ilmu profesional seperti perakaunan yang perlu dikuasai umat Islam, sekali gus menjadi panduan kepada mereka dalam bidang berkenaan.

"Jadi, ada banyak lagi ilmu keduniaan dituntut di dalam al-Quran. Kita nak al-Quran hidup bukan sahaja di masjid tetapi di hospital, Parlimen atau tapak pembinaan.

"Sebab itu, penting golongan profesional ada al-Quran dalam jiwa. Kita tidak kata jangan masuk bidang ustaz tetapi banyak lagi bidang yang ada dan keperluan golongan huffaz dalam bidang profesional amat mendesak," jelasnya.

Sementara itu, Suhayl berkata, ibu bapa memainkan peranan besar dalam mengimbangi ilmu akademik dan al-Quran



**Dari kiri, Aiman, Dr Irfan, Dr Syamil, Farhan dan Suhayl membuktikan pelajar lepasan tahfiz mampu berjaya dalam bidang profesional.**

anak-anak agar mereka dapat memilih kerjaya diminati tanpa perlu meninggalkan hafalan.

Menurutnya, anak-anak tidak perlu berfikirkan sekular, seolah-olah ilmu profesional tidak berkait rapat dengan agama Islam, sedangkan kedua-duanya adalah ilmu yang seiring.

"Sebenarnya yang patut menggalas al-Quran adalah mereka yang bijak pandai, itu keutamaan untuk ke bidang profesional.

"Oleh itu, kita sasarkan untuk

ubah set minda ibu bapa terhadap bidang al-Quran," katanya.

Sementara itu, bercakap mengenai Profazz, Suhayl berkata, organisasi tersebut dibangunkan oleh lima adik-beradik yang merupakan huffaz 30 juzuk al-Quran dan memiliki bidang kerjaya profesional masing-masing seperti doktor perubatan, perunding kewangan Islam, pengurus syarikat serta perunding motivasi.

"Kami tampilkan Aiman (suling), merupakan peguam dan

perunding kewangan Islam yang telah memberi khidmat perundingan dalam dan luar negara.

"Dr Syamil pula pakar bedah mata yang boleh habiskan (hafal) 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima bulan, manakala Dr Irfan pakar bedah dan Farhan pula pengurus syarikat.

"Kami semua buktikan dapat 'straight A' dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ketika masyarakat tidak percaya kemampuan bekas pelajar tahfiz," kata beliau.

